

## **MEMBINA TATACARA KHUSUS BAGI PENGENDALIAN KES PERCERAIAN AKIBAT DISIHIR**

Zainal Abidin Kusmin

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Kompleks Islam Putrajaya, 62100 Putrajaya.

Tel: 012-3506019, E-mail: [zak5849@gmail.com](mailto:zak5849@gmail.com)

Mahyuddin Ismail

Jabatan Sains Kemanusiaan, PBMSK, Universiti Malaysia Pahang, 26300 Gambang, Kuantan.

Tel: 019-9800573, E-mel: [mahyuddin@ump.edu.my](mailto:mahyuddin@ump.edu.my)

### **ABSTRAK**

Al-Quran telah menegaskan bahawa sihir boleh menyebabkan pasangan suami isteri bercerai-berai. Realitinya, memang terdapat kes-kes perceraian yang didakwa berpunca dari penggunaan ilmu sihir dalam mahkamah syariah. Namun, disebabkan ketidaaan satu tatacara pengendalian yang seragam, maka kes-kes tersebut mendapat reaksi yang pelbagai dari pihak mahkamah. Kertas kerja ini bertujuan untuk mencadangkan satu tatacara pengendalian kes perceraian (*Standard Operation Procedure*) bagi menangani masalah tersebut. Pembinaan tatacara ini menggunakan kaedah analisa dokumen perundangan seperti Enakmen Undang Undang Keluarga Islam Selangor 2003 dan kes-kes berkaitan yang telah diputuskan dalam mahkamah Syariah di Selangor dari tahun 2008 hingga 2016. Temubual dengan para hakim yang pernah terlibat dengan kes tersebut turut dilakukan bagi mengenalpasti kelompongan yang terdapat dalam prosedur sedia ada. Hasil dari analisa tersebut, satu draf cadangan penambahbaikan kepada tatacara pengendalian sedia ada telah dibina. Kewujudan tatacara pengendalian secara khusus ini akan menjadikan pengendalian kes lebih teratur dan saksama disamping pasangan mendapat pembelaan dan keadilan yang sewajarnya.

**Kata kunci:** Ilmu sihir – Sihir tafriq - Perceraian dalam mahkamah syariah - Prosedur Kendalian Standard (SOP).

### **Pengenalan**

Ilmu sihir telah wujud sekian lama dalam sejarah tamadun manusia dan menurut Abd Razzak (1982) ia dikatakan antara ilmu yang tertua di dunia. Pengaruh Ilmu sihir sudah bermula sejak tamadun Mesopotamia lagi dan ia sangat meluas penggunaanya meliputi pelbagai aspek kehidupan dalam masyarakat termasuk para pemerintah serta keluarga diraja ( Farber, 1995).

Dalam tamadun Mesir pula memang sudah dikenali sebagai tempat asal segala ilmu yang aneh dan ganjil ini ( Janowitz, 2001). Pada zaman itu sihir telah digunakan oleh para pemimpin negara termasuk Firaun bagi mengekalkan kedudukan dan kekuasaan mereka sebagai pemerintah. Ahli sihir telah diberi gaji yang besar untuk berkhidmat dengan pemerintah dengan menjadikan mereka sebagai pengawal peribadi, penasihat dan pegawai kerajaan ( Al Ashqar, 2002). Pengamal sihir dalam zaman ketamadunan Rom dan Yunani juga turut terkenal dengan amalan

masyarakat yang mampu melakukan perkara yang aneh dan luar biasa seperti melumpuhkan seseorang berdasarkan bacaan mentera ( Maple, 1973)

Masyarakat di Malaysia menganggap ilmu sihir bukanlah sesuatu yang asing dari kalangan mereka kerana ia sememangnya wujud serta diamalkan oleh golongan tertentu dalam kehidupan sosial mereka ( Mahyuddin, 2011). Hampir saban tahun , sebilangan masyarakat di Malaysia percaya bahawa mereka telah menjadi mangsa sihir dan sentiasa berusaha mencari jalan untuk mendapatkan rawatan disamping memulangkan semula sihir kepada tuannya ( Shaw, 1975). Ilmu sihir bukanlah satu mitos tetapi ia merupakan satu realiti dalam kehidupan manusia. Firman Allah SWT dalam surah al Baqarah ayat 102:

فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءَ وَزَوْجِهِ

*Maksudnya “Dalam pada itu ada juga orang-orang mempelajari dari mereka berdua ( Harut & Marut) ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya... ”*

Ayat Allah SWT yang telah dinyatakan ini menunjukkan wujudnya amalan ilmu sihir dan perkataan sihir ini telah diulang sebanyak 27 kali dalam 19 surah berkenaan sihir dalam al-Quran ( Khadher Ahmad, 2011). Pelbagai faktor yang menjadi pendorong kepada masyarakat di Malaysia begitu rapat dengan amalan sihir walaupun di kala ini manusia sudah berada di zaman teknologi yang serba canggih .

### **Pengertian Sihir**

Dari sudut bahasa jika dilihat dari *Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002)* mendefinisikan sihir itu adalah satu perbuatan (atau kejadian) luar biasa yang dilakukan oleh manusia secara tersembunyi (ghaib) yang melibatkan makhluk halus . Dalam *Mu'jam al Wasit* sihir adalah merujuk kepada setiap perkara yang tersembunyi sebabnya dan dikhayalkan pada sesuatu yang bukan hakikat sebenarnya yang terjadi melalui penggunaan tangkal dan tipu daya ( tipu helah ). Sihir juga bermaksud memalingkan sesuatu dari hakikatnya kepada selainnya seolah olah penyihir melihat kebatilan dalam bentuk kebenaran dan membayangkan sesuatu yang tidak sebenarnya dan ia merujuk kepada makna tukang sihir iaitu pelaku sihir atau orang yang melakukan sihir ( *Ibnu Manzur, 1970* )

Adapun dari sudut istilah terdapat beberapa pengertian namun dapatlah dikatakan bahawa sihir ialah suatu perbuatan yang berkesan dan tersembunyi pada tubuh manusia di mana ianya berlaku diluar dari kehendak orang yang kena sihir . Ianya merupakan satu seni tipudaya yang dijalankan dengan secara halus yang sukar disedari oleh mata kasar ( Abdul Basir, 1999).

### **Sihir Dalam Kontek Perceraian**

Melihat kepada senario kadar perceraian dewasa ini yang didapati meningkat setiap tahun khususnya di negeri Selangor dengan pelbagai sebab dan alasannya. Berdasarkan statistik bagi tahun 2016 yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor, perceraian yang melibatkan unsur sihir ini telah dimasukkan dalam salah satu senarai aduan dalam kategori kurang penghayatan agama. Kategori ini telah menduduki tempat kelima dari 10 perkara yang

disenaraikan dalam aduan masalah rumahtangga. Terdapat lebih kurang 107 kes dilaporkan dibawah kategori ini merangkumi 9 daerah di Selangor.

**Rajah A: Statistik aduan kes kekeluargaan melibatkan unsur amalan syirik /sihir**

Bil	2. Jenis Aduan Kurang Penghayatan Agama	Petaling Jaya	Klang	Hulu Langat	Gombak Timur	Gombak Barat	Hulu Selangor	Kuala Selangor	Kuala Langat	Sabak Bernam	Sepang
1.	Murtad	0	17	2	0	4	3	0	2	0	0
2.	<b>Amalan Syirik /sihir</b>	<b>20</b>	<b>28</b>	<b>22</b>	<b>5</b>	<b>14</b>	<b>7</b>	<b>1</b>	<b>7</b>	<b>1</b>	<b>2</b>
3.	Kurang pengetahuan/ pegangan agama	212	176	376	40	66	31	10	73	21	41
4.	Mengabaikan kewajipan agama	223	226	270	28	62	36	8	66	26	39
5.	Mempersendakan hal agama	56	39	7	11	29	13	3	22	6	14
6.	Menghalang pasangan menunaikan perintah agama	15	9	22	3	8	5	2	4	0	0
	<b>Jumlah</b>	<b>526</b>	<b>495</b>	<b>699</b>	<b>87</b>	<b>183</b>	<b>95</b>	<b>24</b>	<b>174</b>	<b>54</b>	<b>96</b>

Sumber: Bah. Undang undang Keluarga Islam Selangor JAIS 2016

Salah satu jenis sihir yang masyhur yang sering digunakan dalam masyarakat ialah yang melibatkan isu rumahtangga iaitu sihir pemisah (*al Tafriq* ). Sihir ini adalah satu amalan yang sengaja dilakukan bagi tujuan untuk memisahkan antara dua insan samada suami isteri, rakan taulan, rakan kongsi perniagaan dan sebagainya. Berbagai bentuk pemisahan boleh dilakukan dengan sihir ini namun sihir pemisah yang biasa digunakan untuk memisahkan pasangan suami isteri adalah yang paling bahaya dan paling berleluasa ( Wahid Salam Bali, 2010). Perceraian dengan menggunakan ilmu sihir ini biasanya berlaku dalam keadaan yang pelik dan luar dari kebiasaan.

Sihir ialah satu perbuatan yang menghasilkan kesan luar biasa dengan menggunakan jampi mentera yang melibatkan perjanjian manusia dan makluk halus (jin dan syaitan) dan diamalkan dengan tujuan-tujuan yang tertentu. Sihir sering digunakan untuk melakukan sesuatu kejahatan sehingga kesannya mampu untuk mengubah rupa mangsa sehingga kelihatan seperti haiwan, mendatangkan kecederaan kepada mangsa, menghilangkan perasaan kasih sayang antara ahli keluarga, memisahkan antara suami dan isteri, menghilangkan kewarasaran akal, menyebabkan penyakit sehingga ke tahap boleh membunuh mangsa tanpa perlu disentuh (Wahid Abdussalam al Bali, 1994).

### **Dakwaan Sihir bagi kes perceraian di Mahkamah Syariah**

Dalam kes perceraian yang melibatkan dakwaan sihir atau gangguan yang dicatatkan di mahkamah syariah secara umumnya tidak begitu besar kerana mungkin perkara tersebut jarang berlaku dan alasan pasangan yang hendak berpisah tidak memfokuskan alasan tersebut. Dalam

catatan kes di Mahkamah Syariah yang telah direkodkan berkaitan dengan penggunaan sihir antaranya ialah di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ia melibatkan dua kes iaitu kes pengesahan lafaz cerai dan permohonan pembubaran perkahwinan . Kes yang mendapat perhatian bagi dakwaan sihir ini ialah kes *Mustafa Batcha lawan Habeeba Abd. Rahman* (1990) di mana dalam kes ini adalah berkaitan dakwaan suami selaku plaintiff menyatakan bahawa beliau melafazkan talaq dalam keadaan tidak sedar kerana dipengaruhi sihir. Dalam kes ini plaintiff tidak berpuashati dengan keputusan mahkamah yang telah mensabitkan lafaz perceraianya sedangkan beliau mendakwa ada unsur sihir.

Dalam rayuannya perayu mendakwa bahawa beliau telah disihir kerana berdasarkan keterangannya beliau ada terlibat untuk mendapatkan tender kantin di sebuah kilang dan beliau telah berjaya mendapatkan tender kantin tersebut. Selepas beberapa bulan menjalankan perniagaan di kantin tersebut, beliau mengalami kecelaruan fikiran sehingga mengakibatkan beliau menjadi tidak tenteram, kerap bergaduh dengan isteri dan pernah turut memukul isterinya sedangkan ia hanya melibatkan isu yang kecil. Dalam pengakuannya, dia seolah olah tidak sedar apa yang dilakukannya dan tidak tahu apa punca sebenarnya keadaan tersebut boleh berlaku sehingga beliau membuat aduan ke pihak berkuasa dan berhasrat hendak menceraikan isterinya. Dalam pada itu beliau ada jumpa bungkus putih di dalam kantin tersebut disamping berusaha untuk berubat melalui rawatan tradisional. Maklumat dari pihak yang merawatnya menyatakan beliau telah disihir akibat perasaan Bengki kerana gagal mendapatkan tender kantin tersebut lalu menyihirkan untuk menceraiberaikan pasangan suami isteri tersebut. Setelah mendapatkan rawatan dan keluar dari kantin tersebut, beliau telah pulih dan boleh berfikir secara normal. Perayu merayu agar mahkamah menyemak semula perceraian talaq tiga yang telah direkodkan oleh mahkamah sebelumnya. Hakim Mahkamah Rayuan memutuskan kes ini belum didengar sewajarnya dan memerintah ianya dibicarakan semula ekoran kegagalan Hakim Mahkamah Rendah Syariah untuk mendapatkan pendapat pakar (*ra'yu al-khabīr*) berkenaan isu tersebut. Yang Amat Arif Hakim menyarankan agar perawat yang merawat perayu dipanggil untuk diminta pendapatnya sebagai pakar.

Jawatankuasa rayuan menyarankan agar setiap kes yang hendak diputuskan perlu didengar, difahami dan mengkaji semua fakta, undang undang dan prosedur yang berkaitan serta mendengar keterangan pihak pihak dengan sabar dan tenang, mendengar dan menyoal saksi saksi sehingga hakim berpuashati. Hakim yang mendengar kes perlu memanggil saksi yang berkenaan bagi memastikan setiap keputusan dan hukuman dapat dibuat secara adil. Para saksi yang diminta hadir untuk memberi keterangan apabila diperlukan. Meminta pendapat dari seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang atau persoalan dinamakan sebagai “*ra'yu al-khabīr*” dan ia bertepatan dengan kaedah pembuktian dalam prinsip Undang Undang Keterangan Islam ( Mahmud Saedon A Othman, 1990).

Selain dari kes perceraian ada juga kes yang berkaitan dakwaan sihir yang bertujuan untuk menunduk , memikat, menguasai perasaan dan pertimbangan pasangan yang hendak dikahwininya. Akibatnya pasangan berkahwin seolah-olah tanpa sedar walaupun sudah beberapa tahun dan sudah bercahaya mata. Dalam kes yang kedua melibatkan permohonan membubarkan perkahwinan kerana pasangan mendakwa bahawa beliau bernikah tanpa rela dan berada dalam pengaruh sihir. Kes *Re Wan Norsuria* melibatkan pemohon yang mendakwa berada di bawah pengaruh sihir ketika melangsungkan perkahwinan. Beliau memohon untuk membubarkan perkahwinan dengan alasan wujud unsur ketidakrelaan.

Berdasarkan ulasan dari temubual yang dijalankan terhadap hakim yang mengendalikan kes tersebut secara peribadi beliau menyatakan bahawa menunjukkan wanita tersebut berada dalam keadaan luar sedar dan wujud unsur sihir (Mahyuddin, 2012). Kes tersebut menunjukkan sebahagian kisah rumahtangga yang ada wujudnya penggunaan ilmu sihir dalam kehidupan masyarakat seharian. Bertitik tolak dari kewujudan kes yang melibatkan dakwaan sihir ini dan kepelbagaiannya kaedah penyelesaian maka adalah amat wajar di bentuk satu prosedur khusus bagi menangani kes dalam situasinya yang sama.

Mengambil maklumat dari temubual dari para hakim, pengkaji melihat ada beberapa perkara yang dilihat menjadi faktor berlaku kelompongan tersebut, diantaranya ialah :

- 1) Hakim tidak didedahkan secara khusus berkaitan tatacara pengurusan kes perceraian melibatkan unsur sihir dan kesannya dalam rumahtangga
- 2) Tiada prosedur atau garis panduan khusus pengendalian kes melibatkan unsur sihir atau gangguan ini .
- 3) Pihak pihak yang mendakwa tidak fokus isu dan gagal membuktikan dakwaan
- 4) Tiada badan khas yang berotoriti untuk mengesahkan simptom gangguan atau sihir

### **Simptom bagi mengenalpasti pasangan yang Terkena Sihir Pemisah (tafriq)**

Berdasarkan kesan sihir yang besar kepada kehidupan khususnya rumahtangga maka ia perlu diberi perhatian khusus berkaitan masalah tersebut. Kajian ini mencadangkan agar diwujudkan satu kaedah untuk membantu mahkamah dan pasangan bagi mengenalpasti simptom yang dialami melalui ujian simptom lazim sihir . Pasangan yang terbabit akan diberikan borang dan daripada simptom yang dialami boleh memberi gambaran awal keadaan seseorang.

Menurut Abdul Wahid Salam Bali ( 1997) antara tanda dan simptom yang boleh dikenalpasti bagi pasangan yang terkena sihir tafriq ialah :

- a) Perubahan secara tiba tiba dari cinta menjadi benci .  
Mangsa sihir akan merasa benci terhadap pasangannya tanpa sebab samada melalui perbuatannya atau fizikalnya. Pasangan menjadi rindu apabila berjauhan namun bila berdekatan akan bertukar menjadi benci dan boleh membawa pertengkaran .
- b) Timbul perasaan saling meragui antara pasangan dan syak wasangka .  
Syaitan akan menimbulkan perasaan syak wasangka kepada pasangannya samada perasaan bahawa pasangan ingin mencederakannya, pasangan ada melakukan skandal dengan wanita lain, perasaan cemburu yang bersanggatan sehingga menyebabkan pasangan enggan duduk berhampiran atau tidur bersama, sedangkan suaminya tidak melakukan perbuatan sebagaimana yang disangkakan. Perasaan yang tidak dikawal ini jika tidak rawat akan menyebabkan kesan yang lebih buruk seperti lari dari rumah dan sebagainya .
- c) Hilang perasaan timbang rasa dan tidak boleh bertolak ansur serta enggan meminta maaf. Membesar-besarkan perselisihan walaupun penyebabnya amat kecil.
- d) Pandangan terhadap pasangan berubah.

Menurut Engku Ansaruddin (2011), ada pasangan yang berkomunikasi seperti biasa namun apabila ingin bersetubuh kelihatan wajah isteri berubah menjadi hodoh dan menakutkan lalu menghilangkan keinginan untuk bersama. Situasi ini juga boleh berlaku sebaliknya bila isteri

melihat suami seperti wajah dan susuk tubuh yang hodoh dan menakutkan. Hakikat sebenarnya isteri atau suaminya adalah sempurna dan sangat cantik.

e) Rasa resah gelisah, sakit kepala dan buntu selagi pasangan berada di sampingnya, dan merasa lega sebaik-baik sahaja dia keluar dari rumah.

f) Timbul desakan dalam jiwa suami untuk menceraikan isteri tanpa sebab.


Dalam hatinya timbul bisikan-bisikan yang dia telah melafazkan cerai, padahal dia tidak berhasrat langsung berbuat demikian. Kadang-kadang lafaz cerai itu benar-benar keluar dari lidah seolah-olah ada satu kekuatan dari dalam diri melepaskannya tanpa dapat dikawal. Isteri pula kadang-kadang meminta cerai bertalu-talu sambil mencabar suami berbuat demikian dalam keadaan tidak dapat mengawal diri.

Oleh kerana sihir merupakan salah satu bentuk atau kesan ganguan makhluk halus maka simptom-simptom mahklus halus juga harus dikenal pasti terlebih dahulu melalui kajian literature dan sumbang saran dari kumpulan pakar yang terlibat dengan rawatan dan bidang yang berkaitan. Berdasarkan analisa dan kajian secara berkelompok melalui Laporan Kajian Exploratory Research Grant Scheme (EGRS) Kementerian Pendidikan Malaysia pada 2016 penyelidik telah mengenalpasti 97 simptom yang boleh dihadapi oleh seseorang mangsa akibat gangguan makhluk halus dan telah dikategorikan seperti berikut :


1)	Keadaan emosi dan perasaan mangsa	12 simptom
2)	Keadaan hubungan sosial mangsa	9 simptom
3)	Keadaan fizikal mangsa ketika jaga	28 simptom
4)	Keadaan fikiran mangsa ketika jaga	6 simptom
5)	Keadaan mangsa ketika tidur	13 simptom
6)	Keadaan rumah tangga mangsa	13 simptom
7)	Keadaan kediaman atau premis perniagaan mangsa	10 simptom
8)	Khas untuk mangsa wanita	6 simptom

Penelitian dibuat dengan menilai semula setiap simptom yang telah diperolehi. Hasil dari kajian tersebut telah berjaya mewujudkan satu skala yang dinamakan sebagai GSP 48. Skala ini bagi membantu menyelesaikan isu dakwaan sihir dalam kes perceraian di Mahkamah Syariah. GSP 48 ialah suatu pengukuran kendiri (Self Assessment) yang mengandungi 48 item soal selidik. Ia direka untuk mengukur tahap kepelbagaiannya simptom-simptom yang lazimnya dialami oleh pasangan yang mendakwa ada gangguan makhluk halus atau sihir perceraian dan punca gangguan tersebut. GSP 48 adalah merujuk kepada singkatan (G ) gangguan makhluk halus dari pelbagai punca seperti saka, amalan silat, gangguan biasa, (S) dikhususkan dengan gangguan sihir perceraian, manakala (P) adalah menjurus kepada pelbagai masalah mental. 48 adalah menjurus kepada 48 soalan yang akan dikemukakan kepada pesakit yang mendakwa ada gangguan. Berdasarkan tatacara yang dicadangkan ini setiap pasangan yang mendakwa ada unsur sihir perlu melalui proses yang ditetapkan oleh Mahkamah. Di bawah adalah carta alir bagi kes yang melibatkan dakwaan pasangan yang mendakwa ada unsur sihir samada untuk kes hendak bercerai atau mengesahkan lafaz cerai.

Cadangan Prosedur Permohonan Perceraian di Mahkamah melalui seksyen 47 Enakmen  
Undang Undang Keluarga Islam Selangor Melibatkan Dakwaan Sihir



Cadangan Prosedur Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai di bawah seksyen 57 Enakmen Undang Undang Keluarga 2003 Melibatkan Dakwaan Sihir



## Kesimpulan

Berdasarkan objektif kajian ialah untuk meneliti situasi sebenar kes perceraian yang didakwa berpunca dari penggunaan sihir di mahkamah syariah. Berdasarkan data yang diperolehi membuktikan bawa wujud kes yang melibatkan dakwaan sihir ini dan daripada kajian kes melalui dokumen mendapatkan bahawa wujud kaedah yang pelbagai dalam memutuskan tersebut. Sehubungan itu berdasarkan objektif utama kajian ini adalah untuk mewujudkan prosedur pengurusan kes yang melibatkan dakwaan sihir ini adalah suatu perkara yang sangat wajar dan relevan.. Kajian ini juga secara tidak langsung akan membantu mangsa perceraian atau krisis rumah tangga akibat sihir mendapat pembelaan dari sudut perundangan. Melalui kajian ini akan membentuk satu standard prosedur yang selaras yang boleh digunakan oleh para hakim yang mengendalikan kes yang sama dan sering berulang. Sekiranya kajian ini berhasil maka akan menjadi satu penambahbaikan dalam sistem pengendalian kehakiman bagi kes yang melibatkan gangguan sihir yang dilihat semakin menular dewasa ini. Semoga kajian ini akan menjadi satu sumbangan penulis kepada sistem perundangan Syariah dan meningkatkan kaedah pengendalian kes yang lebih berkesan.

## Rujukan

### Al Quran

Abd. Razzak Naufal.1982.*Sihir Tarut...Harut...Marut*. Singapura: Percetakan Nasional

Abdul Basir Mohammed, *Amalan sihir & ayat ayat al Quran : Perbezaannya serta kesannya terhadap amalan perubatan*, 1999, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.hlm.3

Abdul Latif Muda, *Perbahasan Kaedah Kaedah Fiqh*, 2000, Pustaka Salam Kuala Lumpur . hlm. 38

Amran Kasimin (1997) Amalan Sihir Masyarakat Melayu : Satu Analisis Kuala Lumpur: Percetakan Watan cet 1 hlm.132-133

As Syeikh Wahid Abdul Salam Bali ( 2010) *Senjata Tajam Untuk Menangkis Sihir & Ilmu Hitam* Penerbitan Nurulhas Kuala Lumpur hlm 124.

As Syeikh Wahid Abdul Salam Bali ( 1997 ) *Sihir dan Cara Pengubatannya Menurut Islam* Penerbitan Albaz Publishing & Distribution Sdn Bhd, Batu Caves Selangor hlm 57.

As Syeikh Wāhid Abdussalam Al-Bāly & Daud Mohd Salleh. (1994). *Bagaimana Menentang Ilmu Hitam*. Penerbitan Al Masyhur Sdn. Bhd., Johor Bahru.

Engku Ansaruddin Agus & Mohd Azlee A. Mutalib. 2011. *Perangi Sihir*. PTS Publication. Batu Caves. Selangor.

Eric Maple, 1973, Witchcraft: The story of man's search for supernatural power, London: Octopus Books, hlm. 28.

Jurnal Hukum 41 [1410] dan (1990) 7 JH 225.

Jurnal Hukum 211 ( 1418)

Khadher Ahmad 2011, *Analisis Hadith Hadith mengenai Rawatan Sihir dalam Al Kutub Al Sittah : Aplikasi di Pusat Rawatan Islam Di Malaysia* . Tesis kajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Malaya tahun 2011. Hal 37

Kamus Dewan Edisi Ketiga, Cetakan Ketujuh. Dewan Bahasa dan Pustaka 2002.

Kamus Al Mu'jam al Wasit , Beirut : Dar al Fikr , j.1.hal. 419

Kamus Lisan al Arab . Beirut: Dar al- Sadir, 1970M/ 1390H ), hal. 348

Kertas Kerja Seminar ISCOL USIM Mahyuddin ( 2012) : *Sihir dalam kes Rumah Tangga*

Mahyuddin Ismail (2011) *Ahli Sihir ke Tali Gantung* PTS Milenia Sdn.Bhd. Batu Caves Selangor hlm 5.

Mahyuddin Ismail. (2 November 2011). ‘Sihir Sebagai Bukti Pembelaan dalam Kes-kes keluarga dan tuntutan Harta’, dalam prosiding Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah ke 12, Selangor.

Mahmud Saedon A. Othman (1990) Undang Undang Keterangan Islam Dawama Sdn Bhd Hulu Kelang Selangor hlm. 8

Naomi Janowitz, 2001, Magic in the Roman World: Pagan , Jews and Christians, London: Routledge, hlm.5. “The emerging consensus that defining magis is a problematic as defining vulgarity or deviance (Garrett 1989) forces us to rethink what should be covered in a book about ‘magic’ .

Umar Sulaymān Al-‘Ashqar. 2002. cĀlam al-sihri wa al-shawzazah. Edisi ke 4. Jordan: Dār Al Nafā’is.

Walter Farber, 1995, Witchcraft, magic and divination in Ancient Mesopotamia,dlm. Jack M. Sasson(pnyt.), Civilizations of the ancient near East, Edisi III, Bahagian 8 (Religion & Science), New York: Charles Scribner’s Sons, hlm. 1898.

William Shaw, 1975 Aspect of Malaysian Magic, Kuala Lumpur, Muzium Negara